

25/04/2001

Thailand tetap teruskan projek saluran gas

KUALA LUMPUR, Selasa - Thailand tetap akan meneruskan projek Saluran Gas Trans-Thai Malaysia bernilai RM3 bilion dengan Petronas yang akan dihubungkan dari selatan negara itu ke Semenanjung, kata Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan pimpinannya tetap berpegang kepada perjanjian yang sudah ditandatangani oleh kedua-dua pihak, sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, projek pembinaan saluran gas itu lagi mendapat kelulusan Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) daripada kerajaannya.

"Kami juga terpaksa menjelaskan kesan pembinaannya kepada masyarakat di kawasan terbabit selain menyakinkan ia tidak berbahaya," katanya pada sidang akhbar di sini, petang ini.

Thaksin yang tiba di ibu negara hari ini untuk lawatan sehari berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan projek pembangunan bersama medan gas Cakerawala iaitu projek usaha sama 50:50 Malaysia dan Thailand yang dikendalikan Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT).

Petronas akan membeli hasil gas melalui fasa pertama pengeluarannya mulai Julai 2002.

Bagaimanapun, berikutan kelewatan mendapatkan kelulusan EIA untuk membolehkan permit pembinaan dikeluarkan, Petronas dijangka tidak dapat membelinya mengikut tarikh dijadualkan dan ia mungkin menyebabkan Petronas dikenakan penalti.

Ditanya lebih lanjut bila projek itu dapat dimulakan, Thaksin menjawab: "Kita perlu menyakinkan penduduk di kawasan itu bahawa projek ini tidak bahaya. Ia mengambil masa. Kita akan cuba sedaya upaya."

Terdahulu, di Putrajaya, Thaksin memberi jaminan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa masalah kelewatan pelaksanaan projek Saluran Gas Trans-Thai Malaysia akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan.

Jaminan itu diberikan dalam pertemuan dengan Dr Mahathir sebelum keduanya mengetuai mesyuarat delegasi di pejabat Perdana Menteri.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika memberi taklimat kepada media mengenai hasil pertemuan itu berkata, Malaysia sudah meminta kerjasama Thailand supaya projek berkeaan dipercepatkan bagi mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh Petronas disebabkan kelewatan pelaksanaannya.

"Bagi kita, projek ini penting kerana kos semakin meningkat dan yang paling teruk mengalaminya ialah Petronas," katanya.

(END)